

29 APR 1997

PM: KITA MESTI JAYAKAN AGENDA EKONOMI DENGAN LEBIH GIGIH

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia hendaklah maju dengan lebih gigih lagi supaya agenda ekonominya boleh dikekalkan ke masa akan datang tetapi beliau juga menekankan bahawa inflasi mestilah dikawal dengan rapi.

"Kita letakkan hati dan jiwa kita ke dalam agenda ekonomi. Setelah berjaya dengan begitu baik, begitu cepat dan begitu hebat, ini bukanlah masanya untuk rebah, untuk berhenti. Ini bukanlah masanya untuk memberhentikan pergerakan ekonomi kita yang hebat," katanya pada Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 di sini.

Beliau berkata Malaysia mestilah terus maju dengan lebih gigih, kreativiti yang lebih besar dan keberkesanan yang lebih besar bagi memastikan pertumbuhan yang amat pesat dan mapan dan untuk menjamin sebuah ekonomi yang kompetitif, dinamik, cergas dan berketahanan sepenuhnya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia telah berpegang kukuh kepada mengawal inflasi dan malahan bercakap dengan bersungguh-sungguh mengenai inflasi sifar.

"Kita masih mengusahakannya. Jika inflasi boleh dikurangkan, pastilah ia boleh dihalang daripada berkembang sama sekali. Kita perlu percaya terhadap inflasi sifar dan kita boleh berusaha ke arahnya. Kita tidak boleh bekerja ke arah sesuatu yang kita tidak percaya boleh dicapai."

Perdana menteri berkata untuk membendung inflasi banyak perkara perlu dilakukan dan Malaysia akan terus berusaha mengawal harga bahan-bahan perlu.

"Kita perlu memantapkan harga secara umum, untuk memastikan bahawa kenaikan harga yang didakwa sebagai tidak dapat dielakkan itu memang benar-benar tidak dapat dielakkan dan dikawal kepada kadarnya yang paling minimum," katanya sambil menambah bahawa negara juga memastikan kadar pertukaran wang yang wajar dan stabil.

Katanya membendung inflasi adalah perlu bagi Malaysia untuk terus kompetitif.

Ia sebenarnya adalah agak mudah, katanya, Malaysia ingin memastikan bahawa kosnya terus rendah tanpa mengorbankan taraf hidup rakyat yang sepatutnya terus meningkat selaras dengan pertumbuhan ekonomi.

Tetapi, tambah beliau, adalah juga penting bahawa kenaikan gaji hanya pada asas peningkatan dalam produktiviti.

"Jika kos dibenarkan meningkat tanpa diimbangi peningkatan produktiviti yang selaras, maka kita akan kehilangan daya saing dan akan terjadilah inflasi."

Katanya jika berlaku inflasi, sebarang peningkatan pendapatan tidak akan bererti apa-apa kerana kuasa membeli pendapatan baru itu tidak akan meningkat.

Di beberapa buah negara maju, pendapatan telah dibiarkan meningkat tanpa peningkatan yang sejajar dalam produktiviti, dengan kesan berleluasanya pengangguran.

"Nasib baik mereka mempunyai aset-aset tertentu seperti pasaran dalam negara yang kaya, teknologi, sumber modal yang besar dan sumber tenaga manusia yang berketrampilan. Kita tidak memiliki segala sumber ini," katanya.

"Jika kita meniru cara mereka yang membazir itu, ekonomi kita pasti akan merosot. Dengan kata-kata lain, para pekerja, eksekutif dan pemodal kita semakin lama akan menjadi semakin miskin.

"Saya memohon maaf kerana terpaksa mengulangi perkara ini, tetapi terlalu banyak orang kita yang begitu tertarik untuk memperolehi lebih banyak wang tanpa memikirkan apa yang dapat dibelinya dengan wang tersebut," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai "Formula Kemenangan" yang walaupun telah menempuh pelbagai ranjau, kesukaran dan kegagalan, telah membantu membawa Malaysia ke mana ia berada hari ini.

Malaysia mempunyai pertumbuhan cergas yang mapan lebih daripada lapan peratus setahun dengan inflasi yang rendah.

Sebahagian daripada formulanya ialah bekerja keras dalam pembangunan teknologi perindustrian, memahami keperluan bagi pemodenan sektor pertanian dan perkhidmatan dan keperluan untuk Persyarikatan Malaysia.

"Pembaharuan-pembaharuan ini telah terbukti bermanfaat. Oleh itu semuanya mestilah diteruskan. Malahan semuanya perlu diperteguhkan lagi."

Bagaimanapun,, katanya: "Sebahagiannya belum jauh terlaksana. Banyak pula yang belum mendatangkan sebarang hasil. Dan banyak lagi strategi dan gagasan baru yang masih perlu kita hasilkan, kita perembangkan dan kita laksanakan."

"Kita juga perlu menyedari bahawa sebuah negara yang tidak terus menerus memperbaharui dirinya dan bersedia mencuba gagasan dan strategi baru; sebuah ekonomi yang tidak berupaya dengan cepat membentuk kembali dirinya, dan melakukan pembentukan kembali itu berulang kali, pastilah akan tercicir dalam arus pertumbuhan dunia yang amat pesat ini, yakni sebuah dunia yang dicirikan oleh gagasan-gagasan baru seperti globalisasi, ekonomi tidak bersempadan, mengabaikan kedaulatan negara-negara, dan maklumat yang tidak berbandung tetapi mengelirukan." -- BERNAMA

JR OS/sia